

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XVIII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB. ZOLKIFLY BIN MD. LAZIM**

6. Pandemik COVID-19 melumpuhkan keupayaan komuniti.
 - (a) Sebutkan plan evakuasi yang telah dijalankan dalam mengawal situasi begini.
 - (b) Apakah fokus-fokus pemulihan yang dirancang dalam mengharungi kesan peninggalan daripada wabak ini oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

6. (a) Kerajaan Pusat telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara sejak 18 Mac 2020 bagi memutuskan rangkaian COVID-19 dalam kalangan masyarakat. Rakyat diseru supaya mengamalkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter dan menjaga etika kebersihan diri seperti kerap basuh tangan. Kes harian Pulau Pinang merekodkan peningkatan dan kadang kala mendatar. Manakala kes sembah dan discaj daripada hospital meningkat setiap hari. Kerajaan juga memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di kawasan yang mempunyai kes positif COVID-19 tinggi bagi mengelakkan pandemik ini terus menular.

Selain itu, pihak kerajaan juga telah menyediakan Stesen Kuaranin bagi golongan yang berisiko seperti kumpulan Jemaah Perhimpunan di Sri Petaling. Dalam usaha mengawal situasi ini, kerajaan telah mengumumkan

bermula dari 3 April 2020, warganegara Malaysia yang pulang dari luar negara adalah wajib dikuarantin di Stesen Kuarantin yang disediakan oleh pihak kerajaan. Di Pulau Pinang pula, sebanyak 3 buah stesen kuarantin telah dibuka, iaitu *Mara Excellence Centre* (MEC) di Jawi, Pusat Latihan Zakat (PULAZA) di Balik Pulau dan Rainbow Paradise Beach Resort, khas bagi warganegara yang pulang dari luar negara.

Kerajaan Negeri menggunakan pelbagai platform seperti media masa dan media elektronik bagi menyebarkan maklumat terkini berkaitan COVID-19. Sekiranya sebarang khidmat nasihat diperlukan, orang awam boleh menghubungi *virtual healthy advisory* dari 8.30 pagi hingga 5.00 petang setiap hari dan mengikuti *Facebook live DoctorOnCall* dari jam 3.00 - 3.30 petang setiap hari Isnin hingga Jumaat. Orang awam juga boleh menghubungi talian CPRC Kebangsaan atau melalui saluran telegram Kementerian Kesihatan Malaysia <https://t.me/cprckkm> dan Majlis Keselamatan Negara <https://t.me/MKNrasmi>

Selain itu, pelan evakuasi lain dalam meningkatkan kemampuan komuniti, pihak kerajaan telah mengumumkan Bantuan Prihatin Nasional di peringkat Persekutuan bernilai RM9.24 bilion dan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang (peringkat Kerajaan Negeri Pulau Pinang) bernilai RM75 juta dalam menghadapi pasca PKP ke arah pembasmian pandemik COVID-19.

- (b) (i) Ekonomi – Pihak Kerajaan akan memberi suntikan dana kepada pemain-pemain industri terutama dalam penghasilan bahan makanan. Bantuan kewangan juga akan diberikan kepada perusahaan kecil dan sederhana.
- (ii) Emosi – Memberikan khidmat bimbingan dan kaunseling kepada komuniti yang terjejas akibat COVID-19. Walaupun komuniti telah pulih dari segi fizikal, keadaan emosi pesakit COVID-19 perlu dipulihkan supaya tidak tertekan dalam hidup.

- (iii) Sosial – Pihak kerajaan akan mempergiatkan kempen amalan gaya hidup sihat di kalangan rakyat dengan program-program kesedaranan kesihatan.